

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Matlamat DEB untuk hapuskan kemiskinan belum tercapai

BAHAWA kemungkinan kerajaan akan melaksanakan strategi baru menjelang tahun 1990 jika pencapaian matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat masih jauh dari sasarannya, memang pernah dibayangkan oleh kerajaan. Jelas kerajaan tidak puas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh DEB setakat ini, seperti yang ditegaskan tempoh hari oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri. Malah, sekalipun kerajaan menganggap DEB berjaya, adalah wajar untuk kerajaan memikirkan mengenai satu strategi baru, kata Datuk Musa Hitam. Bahawa DEB dikaji dan diteliti perkembangannya dari masa ke masa adalah hal yang tentunya telah dijalankan selama ini. Tetapi, seperti yang dikatakan oleh Datuk Musa, maksud terbesar DEB untuk melenyapkan kemiskinan masih belum tercapai kerana adanya perbezaan pendapatan antara, umpamanya, seorang

petani dan seorang pekerja di bandar, yang pendapatannya mungkin dua kali ganda lebih dari pendapatan petani, sekalipun petani itu telah memperbaiki tahap pendapatannya. Perbezaan taraf hidup antara penduduk bandar dan luar bandar belum lagi dapat dirapatkan dan jurang ekonomi antara kaum juga masih lebar. Keduanya mendesak agar peninjauan semula pendekatan strategi masalah itu dilakukan sesegera mungkin. Kemelesetan ekonomi juga telah menjejaskan segala rancangan untuk memperbaiki kehidupan rakyat, satu faktor yang menyebabkan tergendalnya rancangan itu. Tetapi, kita memerlukan pendekatan yang lebih realistik terhadap pertimbangan apa yang mungkin tercapai dan apa yang tidak bila kita mengkaji strategi baru DEB kelak.

Adakah kita telah menetapkan jangka waktu yang terlalu singkat untuk pencapaian matlamat DEB? Atau adakah kita me-

merlukan jangka masa lebih lama dari tahun 1990? Mungkin ada baiknya kita memikirkan dari sekarang keupayaan kita untuk memenuhi objektif kita dalam jangka waktu yang ditetapkan. Barangkali, kita harus lebih "flexible" dalam menetapkan jangka waktu berdasarkan apa yang telah tercapai setakat ini. "Priorities" atau keutamaan yang patut didahulukan mungkin akan bertukar dalam jangka masa pendek. Sesuatu rancangan tidak boleh ditetapkan tanpa memperhitungkan kemungkinan perubahan dalam keadaan atau dasar pemerintah sendiri. Kita sekarang meletakkan sasaran ekonomi yang menekankan industri, satu keutamaan yang tidak begitu diperkatakan orang beberapa tahun lalu, sekurang-kurangnya sebelum Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Walaupun objektif tidak berubah, tetapi keutamaan akan beralih mengikut waktu dan keadaan. Sudah tentu objektif pokok

ialah tetap menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, tetapi pendekatannya mungkin berubah, bergantung kepada "priorities" pada satu-satu waktu. Inilah yang kita maksudkan bahawa kita terpaksa lebih "flexible" dalam perancangan masa depan dan dalam menetapkan jangka waktu yang mesti dikejar untuk mencapai objektif itu. Pertimbangan-pertimbangan politik juga penting. Seperti yang ditegaskan oleh Datuk Musa, strategi baru itu harus diterima oleh seluruh negara, sesuai dengan proses sistem politik kita. Dalam pada itu, perkembangan DEB harus diteliti, apa lagi sekarang, dalam keadaan ekonomi belum kukuh, ia memerlukan tugas pengesanan atau "monitoring" yang memperhitungkan pula faktor-faktor politik. Perbezaan yang masih wujud dan keadaan ekonomi bandar dan luar bandar tentunya menekankan pengaruh kepada keadaan politik. Inilah yang juga perlu dikesan.